

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berhubungkait dengan, bilakah Kementerian hendak membentangkan rang undang-undang berhubungkait dengan kes pemandu memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian, apakah Kerajaan akan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalahpesalah tersebut dan bagaimana Kerajaan hendak memastikan pemandu tidak memandu dalam keadaan mabuk.

DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan hukuman mati dan denda terhadap pemandu mabuk yang menyebabkan kematian serta pesalah juga hendaklah membayar ‘bayaran khas’ kepada keluarga mangsa.

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia meneruskan inisiatif untuk meminda undang-undang berkaitan pemandu mabuk sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kabinet pada akhir tahun 2019.

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah cadangan pindaan hukuman terhadap pemandu mabuk mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan pelan secara komprehensif dalam mengawal penjualan arak secara terbuka.

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian akan mengkaji semula akta kesalahan berkaitan kemalangan maut disebabkan oleh pemandu mabuk.

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk menilai dan meminda Undang-undang di dalam Seksyen 44 dan Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu hukuman bagi kesalahan memandu kenderaan dalam keadaan mabuk, pengaruh dadah serta memandu secara bahaya yang sedia ada di pinda dengan penambahan penjara 'MANDATORI'. Hal ini dilihat semakin membimbangkan kerana kes tersebut dilihat kerap kali berlaku dan banyak meragut nyawa pemandu lain.

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menangani kes kemalangan jalan raya melibatkan pemandu bawah pengaruh alkohol dan dadah atau memandu secara berbahaya selain daripada meminda undang-undang.

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan yang berpunca dari pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol dari tempoh Januari 2019 sehingga Mac 2020 serta apakah Kementerian bercadang untuk mendesak penggubalan undang-undang bagi meningkatkan hukuman bagi kesalahan tersebut.

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian akan mengikuti piawaian yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 50 miligram (mg) kandungan alkohol dalam 100 mililiter (ml) darah bagi mengesan pemandu mabuk; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang halangan untuk mengikuti piawaian tersebut.
-

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
 [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyak kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu mabuk dari tahun 2015 hingga ke tahun 2019 dan apakah langkah-langkah segera yang akan diambil.

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
 [BATU KAWAN]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan selain daripada mengenakan hukuman dan denda yang lebih berat bagi kes memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan cedera atau maut :-

- (a) apakah rancangan Kerajaan dalam usaha pencegahan memandu dalam keadaan mabuk ; dan
 - (b) senaraikan usaha proaktif Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dari segi penguatkuasaan, keadaan jalan raya, sikap pemandu, dan faktor-faktor yang lain.
-

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu YB Tampin dan YB Kuala Krai pada hari ini, YB Parit Buntar dan YB Marang pada 6 Ogos 2020, YB Batu pada 12 Ogos 2020, YB Cameron Highlands pada 18 Ogos 2020, YB Ledang dan YB Rompin pada 26 Ogos 2020, serta YB Parit, YB Tanjung Karang dan YB Batu Kawan pada 27 Ogos 2020, secara bersekali kerana isu yang dibangkitkan adalah berkisar topik yang sama iaitu berkaitan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau pemandu mabuk.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan satu perkara yang amat dipandang serius oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Perkara ini jika tidak dibendung dengan serius, akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai dan pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.

Dalam usaha menangani isu ini serta aspek keselamatan jalan raya secara amnya, pendekatan dan strategi yang holistik adalah diperlukan bagi memastikan usaha ini berjaya dan mencapai objektifnya. Dalam hal ini, skop tanggungjawab Kementerian Pengangkutan adalah tertumpu kepada aktiviti advokasi, program pendidikan, penetapan peraturan dan penguatkuasaan.

Justeru itu, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman-hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk. Bacaan pertama Rang Undang-Undang ini telah pun dilaksanakan pada sesi parlimen pada 27 Julai 2020 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga turut dijadualkan dalam sesi parlimen kali ini.

JAWAB BERSEKALI NO. SOALAN : 4 DAN 7

Secara spesifik, pindaan seksyen 41 hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu, termasuk merempit.

Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan soal selidik atas talian mengenai perkara ini mulai 21 Mei 2020 sehingga 4 Jun 2020 yang lepas. Berdasarkan kepada dapatan responden seramai 345 ribu orang.

Hampir 97% responden memberikan maklum balas yang positif dan bersetuju bahawa kuantum hukuman sedia ada tidak memadai. Sebagai contoh, seramai 324,489 iaitu 94% responden bersetuju agar kadar hukuman penjara, denda dan tempoh hilang kelayakan lesen memandu ditingkatkan ke atas pemandu yang disabitkan kesalahan dalam keadaan pemanduan mabuk.

Selain daripada pindaan ke atas hukuman sedia ada, saya juga telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi utama termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan MIROS untuk menggiatkan lagi aktiviti advokasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya. Dalam pelaksanaan program-program sebegini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis minuman/makanan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam dan lain-lain untuk untuk bekerjasama dengan Kementerian bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia. Saya percaya pelbagai program, kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak.

Kementerian Pengangkutan berharap agar Rang Undang-Undang Pindaan yang akan dibentangkan di dalam dewan ini akan mendapat sokongan daripada semua ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.